

**KEPIMPINAN TRANSFORMASI PENTADBIR DAN
HUBUNGANNYA DENGAN PENGGUNAAN ICT GURU
DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

NOORLINAH EKANG

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

03 Jun 2009

NOORLINAH EKANG

PT 20078085



DECLARATION

I hereby declare that the material in this thesis is my own except for quotations, excerpts, equations, summaries and references, which have been duly acknowledged.

03 June 2009

NOORLINAH EKANG

PT 20078085

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : KEPIMPINAN TRANSFORMASI PENTADBIR DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENGGUNAAN ICT GURU DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

IJAZAH : IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

SAYA : NOORLINAH EKANG

SESI PENGAJIAN : 2007/2009

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☒

TIDAK TERHAD

Noorlinah Ekang

(NOORLINAH EKANG)

Juliza Ramzi

**JULIZA RAMZI
PUSTAKAWAN KANAN**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh

Dr. Sabariah Sharif

(DR. SABARIAH SHARIF)

Alamat tetap :

Tarikh : 17 Julai 2009

Tarikh : 24. 7. 09

CATATAN : * Potong yang tidak berkenaan.

****** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh habis tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, dengan limpah dan rahmat Allah Subhanahuwataala, maka saya dapat menyempurnakan disertasi ini. Salawat dan salam ditujukan kepada Rasulullah Salallahualihi Wassalam, keluarganya, para sahabat dan umatnya.

Penghargaan dan serta ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khusus kepada Dr. Sabariah Sharif, Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial selaku penyelia disertasi ini. Sepanjang tempoh perlaksanaan kajian dan penulisan disertasi ini, beliau telah banyak memberi bimbingan, pandangan dan teguran-teguran yang membina. Tenaga, masa dan ilmu yang telah dicurahkan Inshaallah akan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahuwataala.

Seterusnya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah yang telah memberikan ilmu dan bimbingan yang begitu bermakna kepada saya. Penghargaan juga ditujukan kepada semua rakan seperjuangan Program Sarjana Pengurusan Pendidikan (kumpulan 14), Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, yang banyak memberikan galakan dan sokongan moral dalam mengikuti pengajian di UMS.

Akhir sekali, penghargaan paling istimewa buat suami tersayang, Che Abdul Rahim Che Sulaiman yang menjadi pendorong utama, sentiasa memberi semangat dan galakan di samping pengorbanan sepanjang tempoh pengajian di UMS. Kehadiran Nur Khairunnisa dan Nur Farisha Nabiha bagaikan sinar yang memberikan inspirasi dan semangat untuk meneruskan perjuangan. Penghargaan istimewa juga ditujukan buat ayah dan bonda tercinta yang sentiasa mendoakan kejayaan dan kesejahteraan anaknya, serta keluarga yang sentiasa memberikan sokongan.

Wassalam.

NOORLINAH EKANG
PT 20078085

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini adalah untuk meninjau persepsi guru terhadap kepimpinan transformasi pentadbir dan penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain dari itu, turut di kenal pasti adalah perbezaan penggunaan ICT guru mengikut mata pelajaran dan akhir sekali adalah untuk menentukan hubungan antara kepimpinan transformasi pentadbir dan sub skala kepimpinan transformasi pentadbir dengan penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang berbentuk kuantitatif deskriptif ini dilakukan secara tinjauan dengan menggunakan kaedah soal selidik. Sampel kajian adalah terdiri daripada 175 orang guru daripada lima buah sekolah menengah sekitar daerah Kota Kinabalu yang mengajar beberapa mata pelajaran seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Sejarah, Geografi dan Pendidikan Islam. Analisis data akan menggunakan SPSS versi 15.0. Penganalisan dapatan kajian menggunakan kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai, One Way ANOVA dan analisis korelasi Pearson dengan penetapan aras signifikan $p < 0.05$. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi guru terhadap tahap kepimpinan transformasi pentadbir secara keseluruhannya berada di tahap yang sederhana dengan min 3.19. Dari aspek tahap penggunaan ICT guru pula menunjukkan tahap sederhana juga dengan min 2.77. Dapatan kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan penggunaan ICT guru mengikut mata pelajaran. Sementara itu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan transformasi pentadbir dengan penggunaan ICT guru. Kajian mencadangkan pentadbir perlu meningkatkan kecekapan dalam bidang ICT untuk menjadi 'role model' kepada guru. Begitu juga dengan penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran perlu dipertingkatkan lagi.

ABSTRACT

The main purpose of this research was to investigate teachers' perceptions towards the administrator's leadership transformation and teachers' ICT usage in teaching and learning. Besides that, this research also investigated the difference in ICT usage among different subject teachers and to determine the correlation between the administrators' leadership transformation with the teachers' ICT usage in teaching and learning. This quantitative descriptive research was conducted through a survey using questionnaires. The research samples consisted of 175 teachers from five secondary schools around the Kota Kinabalu district who taught Bahasa Malaysia, English Language, Science, Mathematics, History, Geography and Islamic Studies. The data obtained are analysed using the SPSS version 15.0 software. This research uses the descriptive statistics which include frequency, mean score and standard deviation. Meanwhile, the inferential statistic uses the One Way ANOVA and Pearson Correlation analysis with a significant difference at $p < 0.05$. The result showed that the teachers' perceptions towards their administrator's leadership transformation was of average level with a mean score of 3.19. The teachers' ICT usage was also at an average level with a mean score of 2.77. There was a significant difference in the ICT usage among the subject teachers. Meanwhile, there was no significant correlation between the administrator's leadership transformation with the teachers' ICT usage. This research has proposed that the administrators need to enhance their ICT competency to be role models to the teachers. In addition the teachers also need to increase their ICT usage in their teaching and learning sessions.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Penyataan Masalah	5
1.4	Soalan Kajian	7
1.5	Tujuan Kajian	7
1.6	Objektif Kajian	7
1.7	Hipotesis Kajian	8
1.8	Limitasi Kajian	9
1.8.1	Limitasi Sampel	9
1.8.2	Limitasi Situasi	9
1.8.3	Limitasi Masa	9
1.8.4	Limitasi Lokasi	10
1.9	Kepentingan Kajian	10
1.10	Definisi Operasional Kajian	11
1.10.1	Kepimpinan Transformasi Pentadbir	11
1.10.2	Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	12

1.11	Rumusan	14
------	---------	----

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.2	Konsep Perubahan Sekolah	15
2.3	Teori Perubahan Sekolah	16
2.4	Kepimpinan Transformasi	18
2.5	Model Kepimpinan Transformasi	19
2.6	Kepimpinan Transformasi dan Perubahan Sekolah	22
2.7	Kepentingan ICT Dalam Pengurusan Sekolah	24
2.8	Kepentingan ICT Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	28
2.9	Teori Pembelajaran dan ICT	30
2.9.1	Teori Pembelajaran Konstruktivisme	31
2.9.2	Teori Pembelajaran Behaviorisme	32
2.10	Kajian Lepas Yang Berkaitan	34
2.11	Kerangka Konseptual Kajian	41
2.12	Rumusan	42

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	43
3.2	Reka Bentuk Kajian	43
3.3	Instrumen Kajian	44
3.3.1	Maklumat Latar Belakang Responden	44
3.3.2	Kepimpinan Transformasi Pentadbir	46
3.3.3	Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	47
3.3.4	Hubungan Antara Kepimpinan Transformasi Pentadbir, Elemen Karismatik, Merangsang Intelektual, Bertimbang Rasa Secara Individu dan Membangkitkan Inspirasi Dengan Penggunaan ICT	

Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	49
3.4 Sampel Kajian	50
3.5 Prosedur Pengumpulan Data	52
3.6 Kajian Rintis	53
3.7 Kaedah Analisis	54
3.8 Rumusan	55

BAB 4 : DAPATAN ANALISIS

4.1 Pengenalan	56
4.2 Deskripsi Sampel	56
4.3 Maklumat Latar Belakang Responden	57
4.3.1 Jantina	57
4.3.2 Umur	57
4.3.3 Pengalaman Mengajar	58
4.3.4 Kelulusan Akademik	59
4.3.5 Mata Pelajaran Utama Yang Diajar Tahun 2009	59
4.3.6 Kursus ICT	60
4.4 Kepimpinan Transformasi Pentadbir Terhadap Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Dari Persepsi Guru-Guru	61
4.4.1 Min Item Elemen Karismatik	61
4.4.2 Min Item Elemen Merangsang Intelektual	62
4.4.3 Min Item Elemen Bertimbang Rasa Secara Individu	63
4.4.4 Min Item Elemen Membangkitkan Inspirasi	64
4.5 Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	65
4.5.1 Min Item ICT Sebagai Alat Tutorial Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	66
4.5.2 Min Item ICT Sebagai Alat Penerokaan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	67
4.5.3 Min Item ICT Sebagai Alat Aplikasi Dalam Pengajaran dan	

Pembelajaran	68
4.5.4 Min Item ICT Sebagai Alat Pemudah Komunikasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	69
4.6 Perbezaan Penggunaan ICT Guru Mengikut Mata Pelajaran	70
4.7 Hubungan Kepimpinan Transformasi Pentadbir Dengan Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	73
4.7.1 Hubungan Karismatik Pentadbir Dengan Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	74
4.7.2 Hubungan Merangsang Intelektual Pentadbir Dengan Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	74
4.7.3 Hubungan Bertimbang Rasa Secara Individu Pentadbir Dengan Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	75
4.7.4 Hubungan Membangkitkan Inspirasi Pentadbir Dengan Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	76
4.8 Rumusan	79
 BAB 5 : RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	80
5.2 Rumusan dan Perbincangan Kepimpinan Transformasi Pentadbir Dari Persepsi Guru	80
5.2.1 Rumusan dan Perbincangan Elemen Karismatik Pentadbir	81
5.2.2 Rumusan dan Perbincangan Elemen Merangsang Intelektual Pentadbir	82
5.2.3 Rumusan dan Perbincangan Elemen Bertimbang Rasa Secara Individu Pentadbir	82
5.2.4 Rumusan dan Perbincangan Elemen Membangkitkan Inspirasi Pentadbir	83
5.3 Rumusan dan Perbincangan Tahap Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	84

5.3.1	Rumusan dan Perbincangan Penggunaan ICT Guru Sebagai Alat Tutorial Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	84
5.3.2	Rumusan dan Perbincangan Penggunaan ICT Guru Sebagai Alat Penerokaan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	85
5.3.3	Rumusan dan Perbincangan Penggunaan ICT Guru Sebagai Alat Aplikasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	86
5.3.4	Rumusan dan Perbincangan Penggunaan ICT Guru Sebagai Alat Pemudah Komunikasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	86
5.4	Rumusan dan Perbincangan Perbezaan Penggunaan ICT Guru Mengikut Mata Pelajaran	87
5.5	Rumusan dan Perbincangan Hubungan Kepimpinan Transformasi Pentadbir Dengan Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	87
5.6	Implikasi dan Cadangan	88
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	94
5.8	Rumusan	95
BIBLIOGRAFI		97
LAMPIRAN A	Borang Soal Selidik	
LAMPIRAN B	Dapatan Ujian Rintis	
LAMPIRAN C	Kebolehpercayaan Skala Pengukuran	
LAMPIRAN D	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan	
LAMPIRAN E	Maklumat Data Latar Belakang Responden	
LAMPIRAN F	Min Kepimpinan Transformasi dan Sub Skala Kepimpinan Transformasi Pentadbir	
LAMPIRAN G	Min Penggunaan ICT Guru dan Elemen Penggunaan ICT Guru	
LAMPIRAN H	Ujian ANOVA Sehalu Perbezaan Penggunaan ICT Guru	
LAMPIRAN I	Ujian Post Hoc Tukey HSD	

LAMPIRAN J	Korelasi Kepimpinan Transformasi dan Sub Skala Kepimpinan Transformasi Pentadbir Dengan Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran
LAMPIRAN K	Surat Kebenaran Penyelidikan Dari EPRD
LAMPIRAN L	Surat Kebenaran Penyelidikan Dari JPNS



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Item Maklumat Latar Belakang Responden	45
Jadual 3.2	Taburan Item Kepimpinan Transformasi Pentadbir Terhadap Penggunaan ICT Guru	46
Jadual 3.3	Skala Pengukuran Item Kepimpinan Transformasi Pentadbir	47
Jadual 3.4	Penentuan Tahap Min Kepimpinan Transformasi Pentadbir	47
Jadual 3.5	Taburan Item Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	48
Jadual 3.6	Skala Pengukuran Item Penggunaan ICT Guru	48
Jadual 3.7	Penentuan Tahap Min Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	49
Jadual 3.8	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	49
Jadual 3.9	Proses Penyempurnaan Disertasi	52
Jadual 3.10	Nilai <i>Alpha Cronbach's</i> Bagi Kebolehpercayaan Instrumen	54
Jadual 3.11	Alat Analisis Data	55
Jadual 4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	57
Jadual 4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	58
Jadual 4.3	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	58
Jadual 4.4	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik	59
Jadual 4.5	Taburan Responden Mengikut Mata Pelajaran Utama Yang Diajar Tahun 2009	60
Jadual 4.6	Taburan Responden dan Kursus ICT	60
Jadual 4.7	Min dan Sisihan Piawai Elemen Karismatik, Merangsang Intelektual, Bertimbang Rasa Secara Individu, Membangkitkan Inspirasi dan Variabel Kepimpinan Transformasi Pentadbir	61

Jadual 4.8	Min Item Elemen Karismatik	62
Jadual 4.9	Min Item Elemen Merangsang Intelektual	63
Jadual 4.10	Min Item Elemen Bertimbang Rasa Secara Individu	64
Jadual 4.11	Min Item Elemen Membangkitkan Inspirasi	65
Jadual 4.12	Min Item Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	66
Jadual 4.13	Min Item ICT Sebagai Alat Tutorial Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	67
Jadual 4.14	Min Item ICT Sebagai Alat Penerokaan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	68
Jadual 4.15	Min Item ICT Sebagai Alat Aplikasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	69
Jadual 4.16	Min Item ICT Sebagai Alat Pemudah Komunikasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	70
Jadual 4.17	Ujian ANOVA Sehala : Penggunaan ICT Guru Mengikut Mata Pelajaran	71
Jadual 4.18	Ujian Pembezaan Berganda Post Hoc (Tukey HSD) : Perbezaan Penggunaan ICT Guru Mengikut Mata Pelajaran	72
Jadual 4.19	Korelasi Elemen Karismatik Pentadbir Dengan Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	74
Jadual 4.20	Korelasi Elemen Merangsang Intelektual Pentadbir Dengan Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	75
Jadual 4.21	Korelasi Elemen Bertimbang Rasa Secara Individu Dengan Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	76
Jadual 4.22	Korelasi Elemen Membangkitkan Inspirasi Pentadbir Dengan Penggunaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	76
Jadual 4.23	Ringkasan Dapatan Analisis Data	78

SENARAI RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 2.1	Model Perubahan Lewin	17
Rajah 2.2	Kerangka Konseptual Kajian	41
Rajah 3.1	Taburan Persampelan Kajian	51



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

BECTA	<i>British Educational Communications and Technology Agency</i>
BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
DSS	Sistem Sokongan Keputusan
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
IAB	Institut Aminuddin Baki
ICT	<i>Information and Communication Technologies /Teknologi Maklumat</i> Dan Komunikasi
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
JPNS	Jabatan Pelajaran Negeri Sabah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MIS	Sistem Maklumat Pengurusan
MISC	Koridor Raya Multimedia
PIBG	Persatuan Ibubapa dan Guru
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris
PSPN	Pusat Sumber Pendidikan Negeri
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kepimpinan pentadbir sekolah masa kini menghadapi cabaran yang besar untuk memastikan segala perancangan terlaksana dan proses implementasi komponen-komponen perubahan di sekolah berjalan lancar. Apabila ICT menular masuk ke dalam semua aspek pengajaran dan pembelajaran, merentasi semua mata pelajaran maka tugas pentadbir di sekolah semakin mencabar untuk memastikan penggunaan ICT dapat digunakan sepenuhnya dalam pengurusan sekolah khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran.

Pengenalan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP) pada tahun 2007 telah menggariskan enam teras strategik untuk memperkukuhkan lagi sistem pendidikan di negara ini. Daripada enam teras strategik ini terdapat kandungan khusus berkaitan teknologi, antaranya melalui teras kedua, iaitu hasratnya adalah untuk melahirkan pelajar yang kompeten dalam bidang sains dan teknologi, inovatif dan kreatif serta kebolehpasaran (KPM, 2001). Oleh yang demikian untuk menjayakan strategi ini, peranan pentadbir sekolah terutamanya pengetua sangat penting kepada pemantapan keilmuan dan menterjemahkan teknologi ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Sebelum PIPP dilancarkan, kebanjiran teknologi di dalam sistem pendidikan telahpun bermula terutamanya integrasi ICT dalam pentadbiran, pengurusan dan pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun sejauhmana penggunaannya dalam bidang pendidikan masih menjadi tanda tanya. Mengikut kajian Chen (2004), sebahagian besar guru mengelak daripada menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Jika keadaan ini berterusan, maka sia-sialah perbelanjaan yang besar yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia tetapi tidak digunakan secara optimum oleh golongan pendidik di sekolah. Oleh itu kepimpinan pentadbir di sekolah perlu memainkan peranan penting untuk merealisasikan harapan kerajaan membestarikan semua sekolah menjelang 2010.

Kepimpinan sekolah yang efektif dan berpengetahuan sangat penting untuk menentukan sama ada penggunaan ICT dapat memperbaiki pengajaran dan pembelajaran, ini kerana kebanyakan pentadbir sekolah tidak selesa menjadi pemimpin dalam bidang teknologi, ataupun mereka mungkin tidak pasti keberkesanan ICT untuk memperbaiki dan mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran (Rossafri dan Balakrishnan, 2007). Namun sebenarnya isu kepimpinan pentadbir di sekolah tidak seharusnya menjadi penghalang jika kepimpinan mereka dilakukan menggunakan pendekatan yang berkesan, sesuai dan berkualiti.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perubahan persekitaran pada masa kini memerlukan pentadbir sekolah mempunyai pelbagai kompetensi dalam bidang pengurusan. Selain daripada menguasai bidang kurikulum sekolah, pengurusan kewangan, pentadbir sekolah harus menguasai bidang pengurusan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Menurut Gurr (2000), dapatan-dapatan penyelidikan menunjukkan penggunaan ICT telah memberi kesan terhadap sekurang-kurangnya sepuluh perkara yang berkaitan dengan kerja-kerja pentadbir sekolah. Sepuluh perkara tersebut ialah penggunaan perisian, penggunaan perkakasan, penggunaan rangkaian, pengajaran dan pembelajaran, hubungan kerja

dengan staf, pentadbiran, bantuan dan halangan oleh jabatan pendidikan, perkembangan profesional dalam teknologi, kualiti peribadi, dan kesan terhadap kakitangan pejabat. Perkembangan ICT juga telah menyebabkan cara baru bekerja diperkenalkan di sekolah-sekolah.

Agar seimbang dengan perkembangan semasa, pentadbir perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ICT supaya kualiti pengajaran dan pembelajaran dapat ditingkatkan. Isu yang sering dibahasakan ialah pentadbir lebih mementingkan peningkatan pengajaran dan pembelajaran berbanding apa yang ICT boleh lakukan untuk diri dan pentadbiran dan untuk tujuan tersebut, pentadbir perlu (a) meningkatkan kemahiran dan pengetahuan ICT, (b) melaksanakan pengurusan seiring dengan perubahan melalui penggunaan ICT, dan (c) memastikan ICT digunakan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran (Morrisson, 2005).

Untuk merealisasikan penggunaan teknologi secara berkesan, peranan pihak-pihak tertentu, khususnya pengurusan sekolah adalah kritikal. Menurut Shelly et al., (2002), selain sikap, pentadbir haruslah menyediakan guru-guru untuk menggunakannya setelah diimplementasikan ke dalam sistem pendidikan. Untuk menyediakan guru, program-program latihan penggunaan teknologi perlulah diadakan. Program tersebut kemudiannya perlulah disusuli dengan program-program lanjutan sebagai tindak-ikut kepada program yang telah dijalankan. Senario di luar negara kebelakangan ini memperlihatkan sikap dan tahap penggunaan ICT dalam kalangan para pengurus pendidikan sedang dan semakin meningkat.

Dewasa ini peningkatan peranan pentadbir sebagai peneraju utama di sekolah-sekolah. Menurut Morrisson (2005) mendapati bahawa perubahan peranan pentadbir sekolah perlu berlaku dalam aspek-aspek tertentu seperti kepimpinan, tuntutan kerja, orientasi perniagaan, tanggungjawab, pengurusan sumber manusia, membuat keputusan, komunikasi, kuasa, dan perancangan. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa pengetua kini bekerja di dunia yang lebih kompleks. Peranan pentadbir merupakan antara faktor utama yang akan menentukan kejayaan dan kecemerlangan

sesebuah sekolah. Pentadbir yang komitmen dengan tugas yang diberi sudah tentu mampu mengubah keadaan sesebuah sekolah menjadi cemerlang.

Kebelakangan ini penggunaan ICT sebagai satu sumber pengajaran dan pembelajaran bagi membantu guru mencapai objektif pedagoginya sering diperkatakan. Mengikut Nor Azilah (2007) dalam beberapa tahun kebelakangan ini dengan perkembangan teknologi komputer dan penggunaannya dalam bidang pendidikan, bidang ini sepatutnya berkembang seiring dengan teknologi tersebut. Namun begitu, walaupun bidang ini mula dikenali ramai, perkembangan dan kerelevanan bidang ICT dalam senario pendidikan Malaysia tidaklah seperti yang diharapkan.

Penggunaan ICT pada dasarnya telah menjadi teras aplikasi proses pengajaran dan pembelajaran bagi semua mata pelajaran di sekolah-sekolah yang telah dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 1999 (KPM, 2001). Penggunaan ICT bukanlah bertujuan untuk mengambil alih peranan guru sebagai pendidik, tetapi hanya dijadikan sebagai media utama pengajaran dan pembelajaran dengan guru sebagai pemudahcara dalam proses tersebut.

Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja membantu guru mencapai objektif pedagoginya malah ia juga memberi peluang kepada murid mencuba cara pembelajaran yang baru. Akan tetapi, seandainya para pendidik tidak berliterasi komputer iaitu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang sewajarnya, penggunaan ICT dalam pendidikan sudah pasti akan terjejas. Buat masa sekarang boleh dikatakan bahawa gambaran kita tentang tahap pengetahuan dan kemahiran komputer guru-guru serta sikap guru-guru terhadap komputer masih samar-samar. Oleh itu adalah sangat penting bagi kita menjalankan lebih banyak kajian untuk menentukan tahap pengetahuan dan kemahiran ICT serta sikap para pendidik terhadap ICT sebelum rancangan untuk memperkenalkannya dilaksanakan.

1.3 Penyataan Masalah

Gurr (2000), turut mengenal pasti perubahan pada pentadbir sekolah dalam bidang-bidang seperti kepimpinan, permintaan kepada tugas, orientasi perniagaan, akauntabiliti, pengurusan sumber manusia, penyelesaian masalah, membuat keputusan, komunikasi, kuasa dan perancangan. Pentadbir diharap menjadi pemimpin utama di peringkat sekolah sekaligus menjadi pengurus sendiri, bertanggungjawab kepada pengurusan sumber manusia dan sumber fizikal yang diperoleh. Tegasnya pentadbir sekolah pada masa kini berada dalam dunia yang rencam. Ciri-ciri perubahan dalam tahun-tahun yang lalu menjadi begitu pesat berubah dalam teknologi maklumat dan komunikasi, dan sekolah turut menjangkakan untuk mengaplikasikan penggunaannya. Suatu bahagian yang sangat sedikit diselidiki tetapi memberi cabaran yang sangat besar kepada pentadbir sekolah ialah kesan daripada perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Dalam merumuskan beberapa penyelidikan terkini, Cussack, Gurr dan Schiller (1999), menghuraikan kesannya bahawa pemimpin pendidikan menjadi elemen utama kepada kejayaan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Institut Aminuddin Baki (2005), penggunaan ICT untuk meningkatkan keberkesanan sekolah dan pengajaran dan pembelajaran telah menunjukkan banyak cabaran yang perlu dihadapi dan ditangani. Sehingga kini penggunaan ICT dalam pengurusan serta proses pengajaran dan pembelajaran masih belum sampai ke tahap yang optimum. Ini berlaku kerana pentadbir sekolah lebih mementingkan peningkatan dalam pengajaran dan pembelajaran berbanding apa yang ICT boleh lakukan untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkualiti dan berkesan (Morrisson, 2005).

Kajian yang dilakukan oleh Nor Azilah dan Mona (2003) menunjukkan bahawa guru-guru masih menggunakan perisian dan perkakasan teknologi komputer hanya setakat menyiapkan tugas harian mereka. Penggunaan komputer dalam pengajaran masih berada pada tahap yang rendah. Dalam kajian berkaitan, Ritchie dan Rodriguez (1996), menyatakan terdapat beberapa kekangan yang akan melembapkan

penggunaan teknologi dalam pendidikan. Kekangan-kekangan ini termasuklah kekurangan kewangan, kepercayaan guru terhadap nilai teknologi, ketidaksesuaian peruntukan teknologi sedia ada, kurang kefahaman tentang bagaimana teknologi dapat memberi kesan kepada pendidikan dan kekurangan sokongan daripada pentadbir sekolah.

Menurut Shelly et al., (2002), sejak dua dekad yang lalu, wujud beberapa bentuk kekangan terhadap program pengintegrasian ICT dalam pendidikan. Antaranya ialah kekurangan guru terlatih, masa yang singkat untuk guru membuat perancangan, kedudukan komputer di lokasi yang sukar untuk diakses, peruntukan kewangan dan keengganan guru untuk berubah.

Sementara itu mengikut Mohd Sani dan Mohd Jasmy (2002), kajian yang dilakukan oleh Fakulti Pendidikan, UKM Bangi menunjukkan hanya 23.9 peratus guru-guru menyokong Projek Sekolah Bestari. Jika ini berlaku maka usaha kerajaan untuk membestarikan semua sekolah rendah dan menengah menjelang tahun 2010 sudah tentu tidak akan berjaya. Kenyataan ini disokong oleh Baharom (2002) di mana hasil kajiannya berkaitan kepimpinan instruksional dan literasi ICT dalam kalangan guru sekolah rendah dan sekolah menengah. Hasil kajian menunjukkan hanya 24 peratus guru sekolah rendah mempunyai literasi ICT dan 29.4 peratus guru sekolah menengah. Ini membayangkan bahawa tahap literasi ICT guru-guru berada pada tahap yang sangat minimum dan sudah tentu penggunaan ICT juga berada pada tahap yang sama.

Oleh kerana terdapat kekurangan dalam kajian-kajian lepas mengenai kepimpinan transformasi pentadbir terhadap penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran, maka kajian ini cuba meninjau sejauh mana kepimpinan transformasi pentadbir sekolah dapat memberi impak terhadap penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini cuba menjawab beberapa soalan kajian seperti berikut :

- a. Apakah tahap kepimpinan transformasi pentadbir terhadap penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran?
- b. Apakah tahap penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran?
- c. Adakah terdapat perbezaan penggunaan ICT guru mengikut mata pelajaran?
- d. Adakah terdapat hubungan antara kepimpinan transformasi pentadbir dengan penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran?
- e. Adakah terdapat hubungan antara sub skala kepimpinan transformasi pentadbir dengan penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran?

1.5 Tujuan Kajian

Secara umumnya tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti apakah tahap kepimpinan transformasi pentadbir dan tahap penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya untuk menentukan samada terdapat perbezaan penggunaan ICT guru mengikut mata pelajaran dan akhir sekali adalah untuk menentukan sama ada terdapat hubungan kepimpinan transformasi pentadbir dan sub skala kepimpinan transformasi pentadbir dengan penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.6 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk :

- a. Mengenal pasti tahap kepimpinan transformasi pentadbir terhadap penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran.
- b. Mengenal pasti tahap penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

- c. Menentukan sama ada terdapat perbezaan penggunaan ICT guru mengikut mata pelajaran.
- d. Menentukan sama ada terdapat hubungan antara kepimpinan transformasi pentadbir dengan penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran.
- e. Menentukan sama ada terdapat hubungan antara sub skala kepimpinan transformasi pentadbir dengan penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah seperti berikut :

H₀1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan ICT guru mengikut mata pelajaran.

H₀2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan transformasi pentadbir dengan penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

H₀3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen karismatik pentadbir dengan penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

H₀4 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen merangsang intelektual pentadbir dengan penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

H₀5 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen bertimbang rasa individu pentadbir dengan penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

H₀6 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara elemen membangkitkan inspirasi pentadbir dengan penggunaan ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran.